

TEKS UCAPAN

YB ADLY BIN ZAHARI

TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA

SEMPENA MINGGU INOVASI KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

TAHUN 2023

PADA 19 JANUARI 2023 (KHAMIS)

DI AUDITORIUM WISMA PERTAHANAN

Bismillahirrahmanirrahim

YBrs Tuan Ahmad Nadzri bin Mohd Hassan

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertahanan

YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain

Panglima Tentera Darat

Wakil Panglima-Panglima Perkhidmatan,

Dif-Dif Jemputan,

Pegawai-Pegawai Kanan Awam Dan Tentera,

Para Panel Pengadil Jemputan dan Peserta Pertandingan

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Hadirin Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh, Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji milik Allah Subhanahu Wataala. Selawat dan Kesejahteraan ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam. Demikian jua ke atas ahli keluarga dan sahabat baginda.

2. Terlebih dahulu, saya majukan ucapan terima kasih saya kepada pihak Urus setia Inovasi MINDEF atas inisiatif menganjurkan perhimpunan ini bagi menyempurnakan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Minggu Inovasi Kementerian Pertahanan 2023 yang bertemakan **INOVASI TERAS TRANSFORMASI, KUALITI DAN KREATIVITI**. Pada saya, program ini merupakan platform untuk warga kerja MINDEF dan ATM untuk melestarikan budaya inovasi sebagai teras penyampaian perkhidmatan. Dengan adanya program seperti ini, inovasi akan sentiasa dipupuk di kalangan warga kerja dan akan menjadikannya sebagai budaya bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan MINDEF dan ATM.

3. Saya mengucapkan tahniah kepada seluruh warga kerja MINDEF dan ATM yang telah bersatu dalam menjayakan majlis pada hari ini. Saya sungguh bangga dan tidak menyangka MINDEF dan ATM memiliki bakat-bakat kreatif dan inovatif serta telah menunjukkan kebolehan yang sangat luar biasa. Saya difahamkan sebanyak 614 orang peserta, pengadil, pempamer dari keempat-empat cabang perkhidmatan ATM, Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE), *Intellectual Property Corporation of Malaysia* (MyIPO) dan *Malaysia Research Accelerator for Technology & Innovation* (MRANTI) terlibat sepanjang berlangsungnya minggu inovasi yang telah diadakan selama 5 hari ini bermula sejak 13 Januari 2023. Bagi kategori Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) *Primer*, sebanyak 23 kategori penciptaan dan 23 kategori penambahbaikan dipertandingkan, sementara dalam kategori KIK *Hibrid*, sebanyak enam (6) penyertaan telah diketengahkan melibatkan kategori penciptaan dan penambahbaikan dengan penyertaan dari Kementerian dan ATM.

4. Majlis pada pagi ini pula merupakan kemuncak penghargaan dan pengiktirafan tertinggi kepada warga kerja MINDEF dan ATM yang telah memberi komitmen yang tinggi dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan sentiasa mencapai standard dan kualiti yang ditetapkan oleh MINDEF dan ATM.

INOVASI TERAS TRANSFORMASI, KUALITI DAN KREATIVITI

Hadirin yang hormati sekalian,

5. COVID-19 telah banyak memberi pengajaran kepada kita. Pandemik ini juga telah mencambahkan banyak idea-idea baharu dan dalam masa yang sama menginovasikan idea-idea sedia ada. Sebagai contoh, penggunaan *QR code* dalam banyak urusan seperti perbankan, menu makanan, penyebaran informasi dan saya lihat pada hari ini kita telah meminimumkan penggunaan buku aturcara. Tetamu yang hadir telah dibekalkan dengan *keychain* yang telah dicetak dengan *QR code*. Di dalamnya terdapat semua maklumat berkenaan minggu inovasi, aturcara dan juga informasi mengenai projek-projek inovasi yang dipertandingkan. Inisiatif ini juga adalah bertepatan dengan tema Minggu Inovasi MINDEF pada tahun ini, **INOVASI TERAS TRANSFORMASI, KUALITI DAN KREATIVITI**.
6. Pandemik ini juga menyaksikan dunia telah menerima perubahan-perubahan terutama dalam menguruskan perubahan (*change management*) termasuklah juga dalam konteks penyampaian perkhidmatan awam. Peningkatan tahap pendidikan, tahap kesedaran kesihatan, kemahiran aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), keterbukaan sikap dan perubahan gaya hidup rakyat telah

membentuk suatu ekspektasi dan pengharapan yang tinggi terhadap prestasi sistem penyampaian perkhidmatan. Justeru, program-program inovasi seperti ini diharap dapat memberikan suntikan idea dalam merealisasikan harapan rakyat terhadap perkhidmatan awam.

7. Dengan itu, saya menyeru supaya warga kerja MINDEF dan ATM agar sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan dengan menggunakan pendekatan dan idea-idea yang lebih berinovasi bagi memenuhi harapan dan permintaan rakyat serta *stakeholder* untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih berkualiti. Seruan ini juga selari dengan sabda Rasulullah SAW, "*Barang siapa melakukan hal baharu yang baik, maka ia mendapat pahalanya dan mendapat pula pahala orang lain yang mengerjakan hal baharu yang baik itu*" - hadith riwayat Muslim.

KOLABORASI DALAM BERINOVASI (COLLABORATIVE INNOVATION)

Hadirin yang saya hormati,

8. Kementerian sangat mengalu-alukan penglibatan semua warga kerja MINDEF dan ATM dalam membudayakan inovasi dengan menjalin kerjasama ke arah pengembangan projek-projek inovasi kementerian. Sebagai contoh, industri pertahanan mempunyai potensi besar untuk menjana ekonomi sesebuah negara, mengambil kira skopnya yang amat luas meliputi bidang aeroangkasa, maritim, persenjataan, automotif, dan barangan gunasama ketenteraan.
9. Melalui kerjasama ini, banyak peluang pekerjaan yang dapat dimanfaatkan selain membawa lebih banyak kepakaran dalam industri. Saya percaya produk-produk ini akan berupaya memanfaatkan industri pertahanan tempatan yang berpotensi menjadi pemangkin ekonomi dalam tempoh jangka panjang. Saya difahamkan bahawa program ini

bertujuan membawa produk dan perkhidmatan berteraskan inovasi ke satu tahap yang lebih tinggi untuk dikomersialkan.

10. Bagi tujuan pengkomersialan tersebut, menerusi pendaftaran di bawah MyIPO, kesemua hasil ciptaan dan reka bentuk dan paten produk yang dihasilkan akan dilindungi oleh Agensi. MyIPO bergerak sebagai badan berkanun dan bertanggungjawab ke atas pembangunan dan pentadbiran sistem hak harta intelek di Malaysia dan sentiasa menyediakan khidmat nasihat harta intelek dan juga menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh bagi meningkatkan tahap kreativiti dan eksploitasi harta intelek di Malaysia.
11. Selain itu, penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D dan C&I) memainkan peranan penting dalam memupuk inovasi. Usaha ini secara langsung dapat memangkin dan mempercepat pembangunan sosioekonomi bagi mencapai kualiti hidup yang lebih baik. Di sinilah penyelidikan dan inovasi dari STRIDE memainkan peranan yang besar dalam membantu pertahanan negara lebih berdaya saing.
12. Saya juga dimaklumkan bahawa projek-projek inovasi daripada ATM telah mendominasi pertandingan Kreatif and Inovatif pada tahun ini. Syabas saya ucapkan. Saya berbangga mempunyai warga ATM yang kreatif dalam usaha meningkatkan kapasiti pertahanan negara. Idea yang pada mulanya kecil, mungkin adalah pemangkin kepada cetusan idea yang lebih besar. Bak kata pemuisi terkenal Inggeris, William Blake, "*What is now proved, was once only imagined.*"

PENUTUP

Hadirin sekalian,

13. Akhir sekali, saya berharap agar program ini dapat diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang supaya hasil kreativiti dan inovasi penciptaan di Kementerian ini dapat dilahirkan dan dapat digunakan untuk Kementerian pada masa hadapan.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Minggu Inovasi Kementerian Pertahanan bagi Tahun 2023.**

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.